

mencukupi, P.P. bolehlah melunaskannya daripada Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan.

- 13.2.7 Apabila berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan, satu lawatan bersama hendaklah dijalankan di antara P.P., Jabatan Pelanggan dan Kontraktor. Apa-apa kecacatan yang didapati timbul disebabkan kecacatan mutu pembinaan ataupun bahan-bahan binaan, ia hendaklah dikenalpasti oleh P.P. dan satu Jadual Kecacatan hendaklah dikeluarkan oleh P.P. dalam tempoh 14 hari daripada tarikh berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- 13.2.8 Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh yang munasabah tetapi hendaklah tidak melewati tempoh 3 bulan. Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, maka P.P. bolehlah melantik kontraktor yang berasingan dan apa-apa kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan P.P. bolehlah memotong daripada baki wang yang ada dalam akaun kontrak dan sekiranya ianya tidak mencukupi, maka P.P. bolehlah melunaskannya daripada Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan. Sekiranya tidak mencukupi, maka P.P. hendaklah menuntutnya daripada kontraktor sebagai satu hutang terhadap kontraktor.

13.3 Pelepasan Wang Jaminan Perlaksanaan / Bon Perlaksanaan

- 13.3.1 Setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, P.P. boleh melepaskan sebanyak 50 % daripada nilai Jaminan Bank / Insurans / Syarikat Kewangan atau Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP) dan bakinya hendaklah dilepaskan setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan.¹ Walau bagaimanapun, P.P. hendaklah berpuas hati bahawa kecacatan yang ada adalah pada tahap minimum sahaja sebelum pelepasan sebanyak 50% itu dibuat.
- 13.3.2 Untuk tujuan pelepasan Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP) satu Perakuan hendaklah dikemukakan kepada pejabat pembayar dengan menggunakan format Perakuan Pemulangan Wang Jaminan Perlaksanaan seperti di Lampiran 13B.

¹ SPP Bil 5/2007 , surat Arahan KPKR ruj (29)dlm.KPKR.020.050/03 Klt.4 bth 15.10.2001 dan surat Arahan KPKR ruj (12)dlm KPKR 020.050/03 Klt.5 bth 31.01.2002.